



APPLIED HISTORY JOURNAL OF MERONG MAHAWANGSA

<https://e-journal.uum.edu.my/index.php/ahjmm>

How to cite this article:

Rohani Ab. Ghani. (2023). Sejarah Gunaan: Pendekatan baru pensejarahan di Malaysia. *Applied History Journal of Merong Mahawangsa*, 1, 1-8. <https://doi.org/10.32890/ahjmm2023.1.1>

SEJARAH GUNAAN: PENDEKATAN BARU PENSEJARAHAN DI MALAYSIA

(*Applied History: New Historical Approach in Malaysia*)

Rohani Ab Ghani

Persatuan Sejarah Malaysia

abghanirohani8@gmail.com

Received: 14/2/2023

Revised: 3/3/2023

Accepted: 6/4/2023

Published: 31/7/2023

ABSTRAK

Sejarah seperti bidang-bidang lain juga merupakan satu bidang yang dinamik. Walaupun ia secara konservatif sering digambarkan sebagai “*history is for the winner*,” namun ia sebenarnya merupakan gambaran kehidupan masyarakat sezaman. Bidang sejarah berkembang menjadi disiplin ilmu yang menceritakan tentang manusia dan masyarakat berada dalam landasan ilmunya yang tersendiri. Kemunculan bidang sains yang menguasai disiplin sains sosial dan kemanusiaan telah memberikan impak yang besar terhadap bidang sejarah. Abad ke 20 sekali lagi telah menyaksikan transformasi dalam bidang sejarah apabila ia telah diintegrasikan ke dalam bidang-bidang sains sosial yang lain dan berubah dari sejarah tulen atau sejarah murni kepada sejarah gunaan. Kertas kerja ini membincangkan tentang perkembangan disiplin sejarah yang membawa kepada kemunculan sejarah gunaan yang merupakan pendekatan baru di Malaysia. Secara keseluruhannya kemunculan pendekatan baru dalam disiplin sejarah di Malaysia adalah selari dengan perkembangan yang berlaku di seluruh dunia terutamanya di Eropah dan Amerika Syarikat. Transformasi disiplin sejarah ini dilihat sebagai serampang dua mata iaitu memaksimumkan peranan fundamentalnya dalam pembangunan negara - bangsa dan dalam masa yang sama untuk memastikan survival disiplin sejarah kekal relevan sama seperti disiplin-disiplin ilmu yang lain dalam arus perdana sistem pendidikan negara.

Kata kunci: Sejarah, Sejarah Gunaan, sains sosial, sejarah tulen, negara bangsa.

ABSTRACT

History is always dynamic in nature just like any other disciplines. Although it is conservatively portrayed that "history is for the winner," but it is actually a reflection of the life of contemporary society. The field of history evolved into a discipline that analyzes human nature and society on its own track of knowledge. This field has been significantly affected by the development of science that dominates the disciplines of humanities and social science. The 20th century has once again seeing a transformation within the field of history, when it was integrated into other areas of social sciences and transformed from pure history to the new approach known as 'Applied History'. This paper aims to discuss the development of history disciplines that led to the emergence of the 'Applied History' in Malaysia. Overall, the emergence of 'Applied History' within the historical discipline in Malaysia is in line with the developments which revolving around the world, particularly in Europe and United States of America. The transformation of the new approach in the domain of history is seen as a two-pronged advantages of the fundamental role in the nation building development while ensuring the survival of history disciplines remain relevant just like other disciplines in the mainstream of the national education system.

Keywords: History, Applied History, social science, pure history, nation building.

PENGENALAN

Sejak awal lagi bidang sejarah merupakan ilmu yang bersifat gunaan apabila Ibn Khaldun (1986) mengatakan bahawa pada hakikatnya, sejarah (*fann al-tarikh*) merupakan catatan tentang masyarakat manusia. Malah dalam sejarah peradaban China, sejarawan merupakan entiti penting dalam pentadbiran zaman purba China apabila mereka merupakan penasihat-penasihat rasmi dinasti-dinasti yang memerintah China. Dalam konteks imej sejarah, bidang ini sendiri identik dengan peradaban dunia yang berkisar tentang perubahan yang terjadi pada watak peradaban seperti keliaran, keramah-tamahan dan solidaritas atau *ashabiyah*. Liputan bidang sejarah juga sering memberikan tumpuan tentang revolusi dan pemberontakan oleh segolongan rakyat melawan golongan lain dengan akibat timbulnya kerajaan-kerajaan dan negara-negara dengan berbagai tingkatannya. Selain itu bidang ilmu ini juga membicarakan tentang kegiatan dan kedudukan orang, baik untuk mencapai penghidupannya mahupun dalam ilmu pengetahuan dan pertukangan. Pada umumnya tentang segala perubahan yang terjadi dalam peradaban, kerana watak peradaban itu sendiri.

Setiap tamadun dunia diwakili oleh sejarah dan sejarawan mereka masing-masing seperti tamadun Yunani dengan Herodotus dan Thycydides, Kristian dengan St. Augustine, Arab (Islam) dengan Ibn Khaldun, China dengan Ssu-ma Chien, India dengan Kautilya dan Melayu dengan Tun Sri Lanang dan Raja Ali Haji. Perihal penting sejarah jelas apabila intipati utama disiplin ini adalah tentang dinamika kehidupan manusia. Dalam perkataan lain ialah sejarah berkaitan dengan ilmu hanya apabila sejarah mengkaji tentang usaha-usaha manusia dan pencapaian mereka. Secara tradisionalnya, sejarah mengutamakan kajian tentang tokoh-tokoh besar yang sering dicatat dalam bentuk pencapaian mereka, "yang menakluk daratan dan lautan tanpa beristirehat" dan antaranya adalah tokoh agung yang disebut hampir dalam kesemua tamadun manusia iaitu Iskandar Dzulkarnain yang dikatakan sebagai berjaya

menakluki separuh daripada hemisfera bumi dan ia terpaksa berhenti kerana tentera-tenteranya yang sangat keletihan. Sejarah juga mengkaji perjuangan manusia sepanjang zaman dan sejarah mereka ini ditulis dalam bentuk autobiografi dan biografi yang tidak terhitung banyaknya dan menyajikan kehidupan mereka dalam konteks sosial yang sesuai dan mengangkat gagasan-gagasan mereka dalam konteks kehidupan manusia melalui jalan cerita yang boleh difahami.

SEJARAH SEBAGAI SATU BIDANG ILMU

Konsep ilmu dikaitkan dengan kepentingan dan kegunaannya. Selain itu ilmu juga dikatakan merupakan gabungan entiti data, fakta dan maklumat yang akhirnya digunakan oleh manusia untuk menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka (Zaini Ujang, 2009). Kesemua elemen tersebut sememangnya terkandung dalam ilmu sejarah. Sementara itu, jika dilihat dari sudut perkembangan ilmu, sejarah merupakan satu bidang ilmu yang muncul secara tersendiri dan semula jadi apabila ilmu pengetahuan dikatakan muncul serentak dengan permulaan kehidupan manusia di alam maya ini. Perkara ini dibincangkan oleh Mouly (1993) yang antara lain menyatakan;

“Permulaan ilmu dapat disusur sampai pada permulaan manusia. Tidak dapat diragukan lagi bahawa manusia purba telah menemukan beberapa hubungan yang bersifat empiris yang memungkinkan mereka untuk mengerti keadaan dunia. Usaha mula-mula di bidang keilmuan yang tercatat dalam lembaran sejarah dilakukan oleh bangsa Mesir, di mana banjir Sungai Nil yang terjadi setiap tahun ikut menyebabkan berkembangnya sistem almanak, geometri dan kegiatan survey.”

Oleh yang demikian dapat kita katakan bahawa, ilmu sejarah itu muncul berikutan dengan kewujudan manusia dan perkembangan ilmu-ilmu lain itu sendiri adalah akibat daripada daya taakulan manusia yang bertindak balas terhadap kejadian-kejadian yang berlaku di sekeliling mereka. Ia jelas menunjukkan bahawa bidang sejarah itu sendiri mempunyai kaitan dengan perkembangan epistemologi ilmu yang wujud dalam tamadun dunia.

Ilu sejarah juga disifatkan sebagai “ratu” atau “ibu” ilmu-ilmu sosial. Hal ini disebabkan sejarah lahir dan berkembang jauh lebih awal sebelum kewujudan ilmu-ilmu sosial yang lain dan merupakan ilmu yang paling awal diajar di sekolah-sekolah. Oleh yang demikian, ilmu sejarah merupakan dasar kepada semua disiplin ilmu termasuk dalam kategori ilmu-ilmu sosial dan kemanusiaan (humaniora). Disiplin sejarah juga merupakan dasar kajian falsafah, ilmu politik, ilmu ekonomi, agama dan seni. Sehubungan dengan itu, tidak dapat dinafikan lagi bahawa sejarah merupakan ilmu pengetahuan yang sangat diperlukan untuk pendidikan manusia (Kochhar, 2008).

KEMUNCULAN BIDANG SEJARAH GUNAAN

Sejarah gunaan merupakan bidang baru dalam disiplin sejarah yang telah berkembang pesat di Eropah dan Australia sejak tahun 1980-an. Secara umumnya, sejarah tulen atau sejarah tradisional berubah menjadi sejarah gunaan apabila ilmu sejarah digunakan sebagai

mekanisme dalam menyelesaikan masalah-masalah semasa. Dalam konteks ini, para sejarawan perlu mengubah tradisi sejarah yang mengaitkan masa lalu demi masa hadapan, sebaliknya mengaplikasikan sebab akibat peristiwa yang telah berlaku dalam mencari penyelesaian terhadap situasi yang sedang berlaku dalam masyarakat. Perubahan perspektif pemikiran dan tindakan mereka ini dicatat pelopor sejarah gunaan Benjamin F. Shambaugh, sebagai “*when the historians across the traditional wall.*” Menurut beliau lagi, sejarah gunaan ialah penggunaan pengetahuan saintifik sejarah dan pengalaman dalam usaha untuk menyelesaikan masalah semasa kebaikan manusia.

Idea menggabungkan disiplin sejarah dengan bidang-bidang ilmu yang lain bagi mewujudkan elemen aplikasi dalam ilmu sejarah ini telah turut dipelopori oleh Stephen M. Millett iaitu presiden dan pengasas Associated Futuring LLC, Columbus. Pertubuhan ini merupakan sebuah pertubuhan yang menawarkan perkhidmatan perancangan strategik dan inovasi. Millett (2011) yang juga merupakan sarjana sejarah di Franklin University menyatakan bahawa; “*applied history,*” or the use of historical knowledge and methods to solve problems in the present. Takrifan ini sebenarnya merupakan sebahagian daripada legasi yang telah dibawakan oleh sarjana sejarah R.G Collingwood di abad ke 20 bahawa kepentingan sejarah adalah “*apabila peristiwa masa lalu digunakan untuk masa hadapan manusia.*”

Di Eropah, sejarah gunaan lebih dikenali dengan nama sejarah awam dan beberapa universiti terkenal seperti George Mason Universiti, Virginia, Amerika Syarikat yang menawarkan bidang sejarah gunaan dengan memberikan penekanan kepada pengurusan arkib, pengkajian muzium, pemuliharaan sejarah dan pengeditan sejarah. Kesedaran mengenai kepentingan ini juga turut wujud di peringkat pengajian pra universiti apabila West Springfield High School, Virginia turut menawarkan bidang ini sejak tahun 1992 lagi (Percoco, 2011).

Kemunculan bidang sejarah gunaan telah dicetuskan saintis politik dan sejarawan iaitu Benjamin Shambaugh (1871-1940) yang juga telah memberikan takrifan terhadap istilah “sejarah gunaan.” Pada tahun 1900, beliau telah mengambil alih kepimpinan masyarakat di Iowa, AS. Shambaugh telah mengasaskan Persatuan Sejarah Lembah Mississippi yang kini dikenali sebagai Pertubuhan Sejarawan Amerika. Tokoh ini telah mengambil inisiatif menyunting prosiding persatuan ini dari 1909 hingga 1914 dan berkhidmat sebagai presiden pada tahun 1909-1910. Pada tahun 1912, Shambaugh yang kemudian penguasa Persatuan Sejarah Iowa State, melancarkan penerbitan *Sejarah Gunaan*, satu siri penerbitan yang berlangsung sehingga tahun 1930.

Shambaugh juga menjelaskan bahawa sejarah gunaan sebagai "penggunaan pengetahuan saintifik sejarah dan pengalaman dalam usaha untuk menyelesaikan masalah semasa kebaikan manusia." Ia meliputi kerja-kerja rujukan perundangan dan analisis dasar, penciptaan dan pengawasan arkib awam, dan amalan sejarah negeri dan tempatan dalam menyelesaikan masalah-masalah perundangan dan pentadbiran di AS pada masa itu.

Sepanjang tempoh perkhidmatan, beliau juga berkhidmat sebagai Pengurus Jabatan Sains Politik Universiti Iowa dan mempromosikan arkib awam dan penerbitan sejarah sambil menyokong pembangunan organisasi profesional untuk sejarawan dan saintis politik (Iowa Culture, 2017). Shambaugh dengan gigih mempromosikan tentang bagaimana sejarah mampu dan berkuasa serta memberi inspirasi kepada masyarakat tempatan serta mereka yang percaya

bahawa sejarawan harus menggunakan pengetahuan dan kaedah mereka di luar akademi untuk mengejar kebaikan awam yang lebih besar.

Pada asasnya relevensi bidang sejarah gunaan adalah apabila ia digunakan bagi mencari solusi cabaran semasa yang sedang berlaku dalam masyarakat. Dalam konteks ini, sifat semula jadi ilmu sejarah itu sangat jelas apabila sejarawan akan menggunakan kaedah menerangkan fakta-fakta terhadap kejadian semasa yang berlaku berdasarkan kepada peristiwa sejarah sebelumnya (yang pernah terjadi) dan analogi terhadap peristiwa tersebut. Menurut Pintar (2018),

“Understanding the terms Public/Applied History in this text co-insides with the precise explanation given by Dennis Dierks and Juliane Tomann – the founders and coordinators of the Jean Monnet Network of Applied European Contemporary History: While Public History can be described as a broad and overarching concept that deals with the uses of the past in public, Applied History as its subordinate field, explores more specifically how historical knowledge is made, how interpretations of the past impact society, why there is a societal need to deal with the past at all, and finally, what effect these issues have on the scientific methods of historical research.”

Namun begitu, bidang sejarah yang berbentuk multi disiplin menjadi lebih signifikan dalam disiplin ilmu apabila muncul aliran pemikiran iaitu *Annales School* yang merupakan aliran pemikiran pensejarahan Perancis (*French School of historical thought*). Aliran pemikiran ini mengutamakan bentuk sejarah yang dikenal sebagai “sejarah sosial bersifat jangka panjang (*longue duree*)” (Shamsul Amri, 2013). Gagasan aliran pemikiran ini mengemukakan kaedah saintifik sosial yang mengutamakan pendekatan multi disiplin. Hasil gabungan pendekatan dan penemuan ilmiah daripada pelbagai bidang seperti sejarah, antropologi, sosiologi dan geografi telah berjaya menghasilkan historiografi yang lebih bermakna kepada komuniti atau masyarakat dan negara (Shamsul Amri, 2013).

Selanjutnya kemunculan aliran pemikiran sejarah bentuk baru yang tidak kurang hebatnya yang disifatkan oleh Profesor Ulung Datuk Dr. Shamsul Ari Baharuddin sebagai pelengkap kepada pendekatan yang dibawakan oleh aliran pemikiran *Annales* adalah *Subaltern Studies* yang diterajui oleh Ranajit Guha di Australian National University dan kemudiannya dikembangkan oleh sekumpulan cendikiawan India di India dan Australia, Eropah dan Amerika Utara. Pendekatan baru ini mempelopori pengkajian mengenai golongan bawahan dan masyarakat marhaen dan juga wira-wira yang tidak didendangkan dalam sejarah.

Pendekatan *Subaltern Studies* mengutamakan sejarah yang mengutamakan sumbangan dan pengucapan kelompok masyarakat yang tertindas dan miskin, mereka daripada golongan kelas pekerja dan kelas bawahan, daripada kasta Dalit dan termasuk juga mereka yang tewas dalam perjuangan hidup terpinggir. Suara-suara golongan ini selalu tenggelam atau ditenggelami oleh suara-suara mereka lebih dominan, berkuasa, yang wira dan yang menang. Pendekatan baru ini perlahan-lahan mengeneplikan tradisi ilmu sejarah yang sering mengangkat kumpulan yang menang atau sering disebut sebagai “*history is always written by the winners*.”

Sejarah Gunaan di Malaysia

Profesor Ulung Datuk Dr. Shamsul Amri Baharuddin (2013) pernah mengemukakan pandangan bahawa “... kini diperakukan secara terbuka bahawa sejarah bukan hanya satu disiplin kaku yang diajar di sekolah dan universiti tetapi ianya adalah sesuatu yang hidup dan mempunyai relevan dan fungsi sosialnya.” Pandangan ini bersesuaian dengan ungkapan yang dilahirkan oleh Geofrey Barraclough dalam bukunya *The Main Trends in History* iaitu “*History is on the move...*” (Abd Ghapa Harun & Rupawan Ahmad, 2020). Pendapat ini selari dengan bidang sejarah gunaan yang jelas berlainan dengan pendekatan bidang sejarah tradisional yang menekankan tentang kepentingan peristiwa sejarah (masa lalu) dengan masa hadapan dan kepentingannya untuk masa hadapan serta cuba membentuk pemikiran sejarah yang ternyata lebih berbentuk ‘*intangible*’ atau tidak ketara.

Pendekatan bidang ‘sejarah baru’ iaitu sejarah gunaan atau sejarah awam ini, tanpa mengenepikan tentang aspek kebenaran fakta dan kepentingan masa lalu dalam meramalkan masa hadapan sebenarnya menggabungkan akademi sejarah tradisional dengan sejarah awam. Ia mampu melahirkan produk yang berbentuk ‘*tangible*’ atau ketara dalam bentuk yang lebih teknikal dan dibantu oleh kemajuan teknologi multimedia masa kini. Pembaharuan ini sebenarnya akan memberikan nilai tambah kepada produk institusi pengajian tinggi iaitu graduan-graduan disiplin sejarah itu sendiri yang lebih kompetitif dalam pasaran kerja.

Mutakhir ini banyak saranan daripada pakar-pakar sejarah tentang beberapa pendekatan baru terhadap program dan kurikulum sejarah yang ditawarkan di sekolah-sekolah dan institusi pengajian tinggi negara. Pendekatan baru ini bersifat pengajian sejarah integratif. Berasaskan kepada pandangan jauh terhadap masa depan disiplin sejarah dan faktor kebolehpasaran graduan, pada tahun 2021, Universiti Utara Malaysia telah mengambil langkah berani dengan menawarkan program Ijazah Sarjana Muda Sejarah Gunaan dengan Kepujian (*Bachelor of Applied History with Honours*). Mengimbau semula idea penawaran kursus ini melalui pembentangan kertas kerja di Sidang Kemuncak Sejarah 2013, anjuran Persatuan Sejarah Malaysia, 17-18 Disember 2013, di Wisma Sejarah, Kuala Lumpur. Antara perkara yang diusulkan ialah:


Perkara-perkara ini yang menjadi teras kepada pemikiran terhadap usaha penggubalan program sejarah untuk peringkat Ijazah Sarjana Muda di Pusat Pengajian Umum Universiti Utara Malaysia (UUM). Apakah bentuk program sejarah yang bakal diperkenalkan di UUM? Semestinya program tersebut perlulah merupakan satu program yang selari dengan *niche area* UUM yang berfokuskan kepada kepengurusan. Sehubungan dengan itu, pihak Jabatan Pengajian Umum berpandangan orientasi disiplin sejarah yang paling bersesuaian ialah sejarah gunaan atau dikenali juga sebagai *Applied History* (Rohani Ab Ghani, 2013).

Idea ini diperkuuhkan lagi melalui usaha menganjurkan Persidangan Pertubuhan Antarabangsa Sejarawan Asia (IAHA) ke 23 pada tahun 2014, di Alor Setar, Kedah. Dalam ucapan perasmian persidangan, Menteri Pendidikan telah menyarankan agar kurikulum kursus sejarah di institusi pengajian tinggi negara digubal semula dalam bentuk yang lebih integratif dan interaktif sesuai dengan perkembangan semasa dan keperluan pembangunan negara (Ucapan Perasmian Menteri Pendidikan IAHA2014, 2014).

Program pengajian yang mula ditawarkan pada tahun 2021 ini berbentuk multi-disiplin yang menawarkan pakej elektif berdasarkan minat pelajar dan peluang kerjaya selepas bergraduat. Program ini juga dirangka agar mempunyai program *minor* yang dikenal pasti sebagai sinergi kepada graduan program ini.

Rajah 1

Carta Aliran Berkaitan Bidang Profesional/Peluang Kerjaya dalam Bidang Sejarah Gunaan



Secara rasminya program Ijazah Sarjana Muda Sejarah Gunaan (Dengan Kepujian) telah menerima dua kumpulan kemasukan bermula semester Oktober sesi 2021/2022. Bagi merealisasikan hala tuju program Sejarah Gunaan ini, kerjasama pintar telah dilaksanakan dengan pihak berkepentingan seperti Persatuan Sejarah Malaysia, Jabatan Muzium Malaysia, Jabatan Warisan Negara, Arkib Negara Malaysia, Muzium Negeri Kedah dan agensi-agensi persekutuan dan negeri. Kerjasama ini bertujuan memberi peluang kepada pelajar untuk mengaplikasikan teori-teori yang diperoleh di dalam kelas melalui kursus dan latihan yang dijalankan di institusi-institusi tersebut. Selain itu ia bertujuan untuk mendedahkan para pelajar kepada peluang-peluang pekerjaan yang bersesuaian dengan bidang pengajian mereka selepas bergraduat nanti.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya kemunculan pendekatan baru dalam disiplin sejarah di Malaysia adalah selari dengan perkembangan yang berlaku di seluruh dunia terutamanya di Eropah dan Amerika Syarikat. Sejarah gunaan juga merupakan pendekatan baru di negara kita yang berkembang sama ada dalam disiplin yang tersendiri ataupun bersama-sama dengan disiplin-disiplin yang lain. Transformasi disiplin sejarah ini dilihat sebagai serampang dua mata iaitu memaksimumkan peranan fundamental sejarah dalam pembangunan negara - bangsa Malaysia

dan dalam masa yang sama untuk memastikan survival disiplin sejarah kekal relevan sama seperti disiplin-disiplin ilmu yang lain dalam arus perdana sistem pendidikan negara. Pendekatan baru ini juga mampu memberikan makna yang lebih tinggi bidang sejarah.

PENGHARGAAN

Penyelidikan ini tidak mendapat geran khusus dari mana-mana agensi pembiayaan di sektor awam atau komersial.

RUJUKAN

- Abd Ghapa Harun & Rupawan Ahmad. (2020) “Sejarah di Universiti ke Arah Pengajian Integratif “dalam Mohd bin Samsudin (Eds), *Idea dan Penerapan Sejarah Awam di Malaysia Mengenang Abd Ghapa Harun*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Iowa Culture. (2017, August 2). Celebrate 160 years of the State Historical Society of Iowa. <https://medium.com/iowa-history/celebrate-160-years-of-the-state-historical-society-of-iowa-3b840fa258fd>
- Ibn Khaldun (1986). *Muqaddimah*, (Terjemahan Ahmadie Thaha). Pustaka Firdaus.
- Kertas kerja untuk Pertimbangan dan Kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Akademik Universiti Utara Malaysia. Cadangan Penawaran Program Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) Sejarah Gunaan[*Bachelor of Arts[Hons] Applied History*, 23 November 2015. Pusat Pengajian Umum, Kolej Sastera dan Sains, Universiti Utara Malaysia.
- Kochhar, S. K. (2008). *Pembelajaran Sejarah Teaching of History*, (Terjemahan oleh H. Purwanta & Yowinta Hardiwati), Penerbit PT Grasindo.
- Millett S. M. (2011). Five Principles of Futuring as Applied History. *The Futurist*. 45. 39-41 http://futurethought.pbworks.com/w/file/fetch/47891055/2011-Millett_Five-Futuring-Principles_Applied-History.pdf
- Mouly, J. G. (1993). “Perkembangan Ilmu” dalam Jujun S. Suriasumantri, *Ilmu Dalam Perspektif Sebuah Kumpulan Karangan Tentang Hakikat Ilmu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Percoco J. A. (2011). Making Personal Connection to the Past by Finding Historian. <https://teachinghistory.org/teaching-materials/ask-a-master-teacher/24537>
- Pintar, O. M. (2018). On Public/Applied History. *Journal of Current History*, 3, 171-192. <https://doi.org/10.31212/tokovi.2018.3.man.171-192>
- Ucapan Perasmian Persidangan Antarabangsa Pertubuhan Sejarawan Asia (IAHA) ke 23, 2014, oleh Menteri Pendidikan Malaysia, 24 Ogos 2014.
- Rohani Hj. Ab Ghani. (2013). “Disiplin Sejarah Di Universiti Utara Malaysia: Beberapa Cabaran dan Harapan Pusat Pengajian Umum.” Kertas Kerja yang dibentangkan dalam dibentangkan dalam Sidang Kemuncak Sejarah 2013, anjuran Persatuan Sejarah Malaysia, 17-18 Disember 2013, di Wisma Sejarah, Kuala Lumpur.
- Shamsul Amri Baharuddin, (2013). “Sejarah untuk semua: Antara fakta, tafsiran dan pandangan umum”. Ucaputama untuk Persidangan Kemuncak Sejarah, anjuran Persatuan Sejarah Malaysia, 17-18 Disember 2013.
- Zaini Ujang (2009). *Menghayati Budaya Ilmu Faham Ilmu, Amalan dan Panduan* (Edisi Kedua), Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.